

PANDEMIK DAN KESAN PSIKOLOGI TERHADAP PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN DALAM TALIAN

**Hazaila Hassan¹, Azana Hafizah Mohd Aman^{2*}, Sharifah Dora Syed Abdul Bahri³ &
Noorziha Mohd Kasirun⁴**

**¹ Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia**

**² Research Center for Cyber Security, Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia**

**³ Pusat Latihan Teknologi Tinggi ADTEC Shah Alam, 40460 Shah Alam, Selangor,
Malaysia**

**⁴ Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia
(Corresponding author: azana@ukm.edu.my)**

Abstract

The 2019 Coronavirus Disease (COVID-19) pandemic has caused various effects on many service sectors. This effect also involves the learning and teaching system at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). This has a significant impact on students' psychology, especially when it comes to their academic performance during the pandemic period when every student is required to adjust to the teaching and learning (PdP) via online platform rather than existing conventional method. Thus, this study was conducted to see the psychological effects on students at the Faculty of Information Science and Technology, UKM, during the pandemic and its connection with virtual learning. A total of 128 second year students from the Network Technology course were involved in this study. Through the descriptive findings that were conducted, it was found that they were in the medium category of agreeing on the aspect of online learning, and the learning materials provided. But from the aspect of acceptance, as many as 50.8% moderately agreed to attend classes online. In addition, as many as 47.5% moderately agreed with the aspect of not being able to understand what was taught during the online learning session fully. The findings of this study, show that there are psychological factors that involve emotions and cognitive factors that become a learning challenge for those who can give results against academic pressure, especially in their fields of study that require

a lot of practical training through face-to-face learning. Therefore, this study can be a platform and a new source of reference especially for educational institutions in this country, especially for certain fields of study to ensure that the online learning system can be implemented steadily without any negativity towards the psychology of students in Malaysia.

Keywords: New norms learning; online learning; psychological effects of university students; virtual learning

Abstrak

Pandemik Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) telah mencetuskan pelbagai kesan kepada banyak sektor perkhidmatan. Kesan ini juga melibatkan sistem pembelajaran dan pengajaran di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Ianya memberi impak yang besar terhadap psikologi pelajar terutamanya pengajian mereka dalam tempoh pandemik ini yang mana ianya menuntut setiap pelajar beradaptasi dengan corak pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian berbanding kaedah konvensional yang sedia ada. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat kesan psikologi pelajar di Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, UKM semasa pandemik dan kaitannya dengan pembelajaran secara maya. Seramai 128 orang pelajar tahun 2 bagi kursus Teknologi Rangkaian terlibat dalam kajian ini. Dapatan deskriptif yang dijalankan mendapati bahawa mereka berada dalam kategori sederhana setuju dalam aspek pembelajaran dalam talian dan material pembelajaran yang disediakan. Namun dari aspek penerimaan pula, sebanyak 50.8% sederhana bersetuju bagi mengikuti kelas secara dalam talian. Selain itu, sebanyak 47.5% sederhana setuju dari aspek tidak dapat memahami sepenuhnya apa yang diajarkan semasa sesi pembelajaran dalam talian. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat faktor elemen psikologi yang melibatkan emosi dan kognitif menjadi cabaran pembelajaran kepada mereka yang boleh memberi natijah terhadap tekanan akademik khususnya kepada bidang pengajian mereka yang banyak memerlukan latihan amali melalui pembelajaran bersemuka. Oleh itu, kajian ini dapat menjadi satu pelantar dan sumber rujukan baharu khususnya terhadap institusi pendidikan di negara ini khususnya kepada bidang-bidang pengajian tertentu bagi memastikan sistem pembelajaran secara dalam talian dapat diimplementasikan dengan baik dan mengurangkan kesan negatif terhadap psikologi pelajar di Malaysia.

Kata kunci: Norma baharu; pembelajaran dalam talian; kesan psikologi pelajar universiti; pembelajaran maya

1.0 PENGENALAN

Wabak COVID-19 bermula di negara China pada Disember 2019 dan merebak ke seluruh dunia. Wabak ini bukan sahaja menyebabkan risiko kematian akibat jangkitan tetapi juga tekanan psikologi yang tidak bertanggung (Cao et al. 2020). Wabak yang belum berpenghujung ini memberi kesan terhadap pembelajaran iaitu penangguhan persekolahan serta sesi pembelajaran termasuk kolej dan universiti yang dijangka mempengaruhi kesihatan mental pelajar di peringkat universiti. Kajian yang telah dijalankan di China mendapati terdapat kesan wabak tersebut kepada orang awam, pesakit, kakitangan perubatan, kanak-kanak serta orang dewasa yang lebih tua (Q. Chen et al. 2020; Yang et al. 2020; Li et al. 2020). Di beberapa buah negara, langkah-langkah untuk menghadkan penyebaran virus COVID-19 antara populasi yang lebih tua dan remaja telah menyumbang kepada penutupan universiti, institusi, kolej dan pertubuhan pendidikan yang lain. Semenjak 25 Mac 2020, kira-kira seratus lima puluh negara telah menutup kolej dan institusi pendidikan buat sementara waktu yang melibatkan lebih daripada 80% penduduk dunia (Tanveer et.al 2020).


Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mendapati terdapat peningkatan aliran trafik internet di seluruh negara sebanyak 23.5 pada minggu pertama PKP, dan meningkat sebanyak 8.6 peratus pada minggu kedua (SKMM, 2020). Peningkatan aliran trafik internet ini adalah disebabkan oleh pendekatan pembelajaran di Malaysia telah bertukar secara drastik melalui kaedah secara dalam talian. Selain bidang pendidikan, bidang-bidang lain seperti sektor perniagaan, pembelian, perkhidmatan serta pengangkutan juga menjadikan medium dalam talian sebagai platform utama dalam pengurusan mereka secara keseluruhannya. Situasi ini telah menjadikan aktiviti pengurusan secara dalam talian adalah satu norma baharu dalam kehidupan setiap individu, begitu juga dengan golongan pelajar yang majoritinya adalah terdiri daripada golongan remaja.

Perubahan pembelajaran secara tradisional iaitu bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian memberi kesan sampingan terhadap pelajar. Dalam hal ini, kebanyakan pelajar universiti telah mengalami kejutan disebabkan PKP yang dijalankan telah menghentikan semua kegiatan PdP bersemuka dan diganti dengan PdP secara dalam talian. Perubahan mendadak ini pastinya memerlukan proses adaptasi dan mengundang rasa bimbang dalam kalangan pelajar (Aziz et al. 2020). Kejutan ini sudah pasti akan memberi impak psikologi iaitu tekanan pelajar (Kusnayat et al. 2020) kerana perlu menerima bentuk

pembelajaran sebegini secara drastik. Adedoyen & Soykan (2020) menyatakan perkara yang sama iaitu peralihan kaedah pembelajaran di universiti dan cabaran-cabaran yang dilalui oleh pelajar. Keadaan ini telah dibincangkan dan kaedah pembelajaran secara hibrid dan atas talian sepenuhnya akan lebih mantap apabila kaedah aktiviti pengajaran disediakan melalui kaedah pengajaran jarak jauh. Namun, satu kajian di Indonesia menunjukkan bahawa pelajar menjadi bosan selepas dua minggu melalui pengajaran secara atas talian di rumah. Dalam masa yang sama, kajian ini juga mendapati wujudnya kebimbangan kepada responden yang mempunyai keluarga pendapatan rendah kerana memerlukan kos yang tinggi membiayai perkhidmatan internet. Menurut Andi, Dwisona & Mardi (2020) juga, perubahan mood juga berlaku kerana terlalu banyak tugas dan ianya tidak efektif kepada pelajar. Kajian ini memperlihatkan kesan psikologi pelajar di Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, UKM semasa pandemik dan kaitannya dengan pembelajaran secara dalam talian.

2.0 METODOLOGI

Pembelajaran aktif konvensional seperti yang dipaparkan pada Rajah 1, yang melibatkan gabungan pembelajaran secara permainan, penggunaan peralatan peribadi serta penyelesaian masalah secara berkumpulan telah diaplikasi secara maya bagi merealisasikan dan menghidupkan pembelajaran. Walaubagaimanapun pembelajaran ini hanya melibatkan 5 daripada 17 modul pembelajaran iaitu 29.4% terhadap 128 pelajar tahun 2 bagi kursus Teknologi Rangkaian. Pembelajaran selebihnya adalah menggunakan pembelajaran maya bukan aktif yang melibatkan penyampaian dan pengajaran dari pensyarah.



Rajah 1. Pembelajaran aktif

Seramai 128 orang pelajar tahun 2 bagi kursus Teknologi Rangkaian terlibat dalam kajian ini. Edaran soal selidik adalah melalui *Google Form* yang dijawab selepas sesi pembelajaran yang telah dijalankan secara dalam talian. Analisis kajian ini menggunakan analisis deskriptif. Jadual 1 merumuskan penilaian dan kategori yang telah diambil.


Jadual 1. Penilaian dan kategori

Item	Soalan	Kategori	Rujukan
1	Tahap kepuasan anda terhadap pembelajaran secara maya.	Tahap kepuasan	Almusharraf & Kahro (2020)
2	Material pembelajaran mudah difahami.	Material pembelajaran	Almusharraf & Kahro (2020)
3	Komunikasi dan interaksi antara pensyarah dan kawan-kawan berlangsung walaupun sesi pembelajaran dalam talian telah tamat	Komunikasi	Galea, Merchant & Lurie (2020)
4	Tugasan yang diberikan oleh pensyarah amat mudah difahami	Tugasan	Mahboob (2020)
5	Saya berasa negatif dengan pembelajaran secara dalam talian	Emosi negatif	Huang & Rong Liu (2020)
6	Saya berasa kecewa kerana tidak dapat memahami sepenuhnya apa yang diajarkan semasa sesi pembelajaran dalam talian	Kekecewaan	Nishimura et al. (2021)
7	Saya berasa bimbang saya tidak dapat memahami pembelajaran jika pembelajaran dalam talian terus-menerus dilaksanakan	Kebimbangan	Huang & Rong Liu (2020)
8	Saya sukar mengambil bahagian dalam kelas secara dalam talian semasa pandemik COVID-19	Penyesuaian	Mahbob (2020)

3.0 HASIL DAN PERBINCANGAN


Beberapa penilaian telah diambil bagi mengenal pasti kesan pembelajaran aktif dan tidak aktif secara dalam talian. Berikut adalah hasil penilaian tersebut.

Penilaian 1: Tahap kepuasan anda terhadap pembelajaran secara maya. Berdasarkan Rajah 2, sebahagian besar responden iaitu 72.2% menunjukkan tahap penerimaan yang baik dan bersifat kontekstual di mana pelajar bersedia menerima perubahan seiring dengan perubahan situasi semasa. Pandemik merubah kaedah pembelajaran secara tradisional kepada pembelajaran maya. Manakala selebihnya tidak berpuas hati terhadap pembelajaran secara maya. Keputusan Penilaian 1 ini tidak menyokong kenyataan dari Almusharraf & Kahro (2020) bahawa pelajar berpuas hati dengan pembelajaran melalui *Google Classroom* bagi pelajar kursus pengurusan, namun mungkin kaedah ini kurang bersesuaian dengan kursus pelajar teknologi rangkaian.




Rajah 2. Tahap kepuasan

Penilaian 2: Material pembelajaran mudah difahami. Merujuk kepada item penilaian dalam Rajah 3, penerimaan pelajar terhadap material yang digunakan dalam proses pengajaran juga adalah baik. Merujuk kepada Almusharraf & Kahro (2020), penggunaan metod yang pelbagai seperti menggunakan kaedah pembelajaran seperti video konferen, di mana mereka menggunakan teknologi komputer dan komunikasi berlangsung serentak. Dalam penggunaan video konferen tersebut, pengajar menggabungkan bahan luaran seperti kuiz, aktiviti, dan sesi pembelajaran untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran agar ianya lebih menarik dan interaktif.




Rajah 3. Material pembelajaran

Penilaian 3: Komunikasi dan interaksi antara pensyarah dan kawan-kawan berlangsung walaupun sesi pembelajaran dalam talian telah tamat. Keputusan yang ditunjukkan pada Rajah 4 turut menunjukkan proses komunikasi serta interaksi berjalan dengan baik kerana 78.65% pelajar bersetuju dengan kenyataan tersebut. Menurut Galea, Merchant & Lurie (2020), komunikasi secara rutin dalam pandemik ini amat penting bagi menandakan sokongan antara satu sama lain. Walaubagaimana pun, Mahboob (2020) dalam kajiannya terhadap cabaran *e-learning* mendapati lebih dari 30% pelajar tertinggal dalam banyak tugas serta berkomunikasi dengan pengajar yang mana itu adalah proses yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran.




Rajah 4. Komunikasi

Penilaian 4: Tugas yang diberikan oleh pensyarah amat mudah difahami. Rajah 5 menunjukkan bahawa 17.9% pelajar tidak bersetuju bahawa tugas yang diberikan oleh pensyarah mudah difahami. Manakala selebihnya bersetuju dengan kenyataan tugas boleh difahami melalui atas talian. Mahbob (2020) menyatakan pelajar di dalam kajiannya boleh memahami dengan jelas tugas yang diberikan, namun mempunyai masalah dalam menghantar tugas secara atas talian.




Rajah 5. Tugasan

Seterusnya item penilaian pada Rajah 6 menunjukkan 64.7% bersetuju berasa negatif terhadap pembelajaran secara dalam talian. Selaras dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Yin-xia et al. (2005) menunjukkan sokongan sosial dapat mengurangkan tekanan dan kekecewaan psikologi semasa pandemik. Keputusan ini juga menunjukkan bahawa keperluan dalam sokongan psikologikal dapat membantu dalam mengubah persepsi negatif terhadap pembelajaran secara dalam talian ini. Melihat kepada situasi pandemik yang masih berlarutan dan tidak menentu menyebabkan emosi pelajar menjadi negatif. Pelajar dalam Teknologi Maklumat menuntut mereka untuk menjalani kelas secara bersemuka bagi modul tertentu. Justeru, pembelajaran secara maya sahaja tidak mencukupi.




Rajah 6. Emosi negatif

Manakala item penilaian pada Rajah 7 pula menunjukkan bahawa 80.3% bersetuju mereka kecewa tidak dapat memahami sepenuhnya apa yang diajarkan semasa sesi pembelajaran dalam talian. Kenyataan ini menyokong kajian Yin-xia et al. (2005) dan Nishimura (2021) bahawa sukar memahami apa yang diajarkan sehinggakan mereka merasa kecewa dan tidak dapat memberi sepenuh perhatian terhadap pembelajaran.




Rajah 7. Kekecewaan

Bagi item penilaian pada Rajah 8 pula menunjukkan 76.2% pelajar merasakan kebimbangan yang tinggi jika tidak dapat memahami pembelajaran seandainya pembelajaran dalam talian terus-menerus dilaksanakan. Yin-xia et al. (2005) menyatakan kebimbangan ini berterusan jika keadaan pandemik tidak berubah dan kaedah pengajaran secara talian ini akan berterusan.



Rajah 8. Kebimbangan

Melalui item penilaian pada Rajah 9 pula mendapati 70.4% pelajar bersetuju berasa sukar mengambil bahagian dalam kelas secara dalam talian semasa pandemik COVID-19. Ini disokong oleh Mahbob (2020) bahawa pelajar kurang mengambil bahagian dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini.



Rajah 9. Penyesuaian

4.0 KESIMPULAN

Tanpa kita sedari, Pandemik COVID-19 di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi kesan terhadap aspek psikologi pelajar universiti dalam proses pembelajaran mereka. Keterpaksaan mereka melalui pembelajaran secara dalam talian memberi tekanan yang mengakibatkan kerisauan, kekecewaan, kebimbangan serta memerlukan adaptasi yang segera bagi membendung masalah yang dialami. Oleh itu, pelajar-pelajar universiti di negara ini sedang berdepan dengan bentuk pengajian secara dalam talian yang sudah pasti pengajaran dan pembelajaran dalam talian ini melibatkan jaringan internet dan aplikasi digital. Dalam hal ini, semua pihak terlibat dalam mempersiapkan diri bagi mengharungi norma baharu melalui kaedah pembelajaran dalam talian secara menyeluruh demi memastikan kelangsungan proses pembelajaran berjalan dengan lancar. Selaras dengan penerimaan pelajar-pelajar ini secara sederhana setuju memerlukan penambahbaikan walaupun mereka sanggup mengikuti dan mempertimbangkan kaedah pembelajaran secara dalam talian. Mereka juga mengakui bahawa terdapat kesukaran dalam memahami material pembelajaran yang diberikan. Ini bermakna, penambahbaikan perlu dilakukan, pembelajaran secara dalam talian perlu dirancang dengan baik, implementasi dan dinilai pelaksanaannya untuk meminimumkan tekanan dan kebimbangan pelajar terhadap pembelajaran mereka.

5.0 PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia dan kepada mereka yang menyumbang kepada projek ini secara langsung atau tidak langsung.

6.0 RUJUKAN

- Adedoyin, O. B. & Soykan, E. (2020). Covid-19 pandemic and online learning: The challenges and opportunities. *Interactive Learning Environments*, 1-13.
- Almusharraf, N. & Khahro, S. (2020). Students satisfaction with online learning experiences during the COVID-19 pandemic. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*, 15(21), 246-267.
- Aziz, A. R. A., Shafie, A. A. H., Lee, U. H. M. S. & Ashaari, R. N. S. R. (2020). Strategi pembangunan aspek kesejahteraan sendiri bagi mendepani tekanan akademik semasa wabak COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(12), 16-30.

- Cao, W., Fang, Z., Hou, G., Han, M., Xu, X., Dong, J. & Zheng, J. (2020). The psychological impact of the COVID-19 epidemic on college students in China. *Psychiatry Research*, 287, 112934.
- Chaturvedi, K., Vishwakarma, D. K. & Singh, N. (2021). COVID-19 and its impact on education, social life and mental health of students: A survey. *Children and Youth Services Review*, 121, 105866.
- Chen, Q., Liang, M., Li, Y., Guo, J., Fei, D., Wang, L. & Zhang, Z. (2020). Mental health care for medical staff in China during the COVID-19 outbreak. *The Lancet Psychiatry*, 7(4), e15-e16.
- Galea, S., Merchant, R. M. & Lurie, N. (2020). The mental health consequences of COVID-19 and physical distancing: The need for prevention and early intervention. *JAMA Internal Medicine*, 180(6), 817-818.
- Huang, L. & Rong Liu, H. (2020). Emotional responses and coping strategies of nurses and nursing college students during COVID-19 outbreak. *MedRxiv*, 15(8), e0237303.
- Irawan, A. W., Dwisona, D. & Lestari, M. (2020). Psychological impacts of students on online learning during the pandemic COVID-19. *Jurnal Bimbingan dan Konseling*, 7(1), 53-60.
- Ismail, M.D., Zain, N.S.M. & Hamid, R.A. (2016). Pembelajaran-e, tekanan dan komitmen belajar dalam kalangan pelajar sains sosial di universiti. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(1), 55-64.
- Kusnayat, A., Muiz, M. H., Sumarni, N., Mansyur, A. S. & Zaqiah, Q. Y. (2020). Pengaruh teknologi pembelajaran kuliah online di era Covid-19 dan dampaknya terhadap mental mahasiswa. *Jurnal Edukasi dan Teknologi Pembelajaran*, 1(2), 153-165.
- Li, S. Y., Wang, F., Lu, X. T., Zhong, R. H., Long, J. A., Fang, A. P. & Zhu, H. L. (2020). Dietary iron intake and the risk of type 2 diabetes mellitus in middle-aged and older adults in urban China: A prospective cohort study. *British Journal of Nutrition*, 1-22.

- Mahyoob, M. (2020). Challenges of e-Learning during the COVID-19 pandemic experienced by EFL learners. *Arab World English Journal*, 11(4), 351-362.
- Nishimura, Y., Ochi, K., Tokumasu, K., Obika, M., Hagiya, H., Kataoka, H. & Otsuka, F. (2021). Impact of the COVID-19 pandemic on the psychological distress of medical students in Japan: Cross-sectional survey study. *Journal of Medical Internet Research*, 23(2), e25232.
- Tanveer, M., Bhaumik, A., Hassan, S. & Haq, I. U. (2020). Covid-19 pandemic, outbreak educational sector and students online learning in Saudi Arabia. *Journal of Entrepreneurship Education*, 23(3), 1-14.
- Yang, Y., Li, W., Zhang, Q., Zhang, L., Cheung, T. & Xiang, Y. T. (2020). Mental health services for older adults in China during the COVID-19 outbreak. *The Lancet Psychiatry*, 7(4), e19.
- Yin-xia, B. A. I., Gegentuya, H. A. I., Hu, L. I. U., Zhen-hua, W., Wen-rui, W. A. & Zhigang, N. G. (2005). Correlation between psychological changes of the community crowd and the social support in grave public health event. *Nei Moivgol Medical Journal*, 4, 295-297.